

05 MAY 1999

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN NAURU

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Nauru, Rene Harris dan Perdana Menteri Tuvalu Ionatana Ionatana atas pelantikan masing-masing.

Dalam peruirusannya kepada Harris, Dr Mahathir yakin bahawa hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin antara Malaysia dan Nauru dapat dipertingkatkan lagi di bawah kepimpinan presiden.

Dalam perutusan kepada Ionatana pula, Perdana Menteri berkata beliau menaruh harapan untuk bekerjasama rapat dengan rakan sejawatannya itu demi memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara Malaysia dan Tuvalu.

-- BERNAMA

NHD FAZ